

# Empat Terbuka Amatur di Berjaya Hills



Empat Terbuka Amatur akan diadakan di lapangan Berjaya Hills Golf & Country Club (BHGCC) yang baru sahaja memenangi gelaran Lapangan Golf Tanah Tinggi Brandlaureate yang terunggul di Asia.

Hadiah cemerlang itu dihadiahkan oleh Yayasan Brands Asia Pasifik antara lain berikutan usaha BHGCC menghabiskan RM1.5 juta baru-baru ini untuk menaikkan taraf lapangan tersebut.

Kira-kira 1,000 orang hadir di majlis penyampaian hadiah tersebut di Hotel Shangri-la Hotel oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Idris Jala kepada Pengarah Berjaya Hotels, Resorts dan Kelab

En Valen Tan.

Menurut En Valen Tan, tidak lama lagi BHGCC akan menjadi tuanrumah Terbuka Amatur Pahang, Terbuka Amatur Mazda, Terbuka Amatur Cosway Wanita dan Terbuka Remaja U-Mobile.

Di majlis itu juga Tan Sri Dato Seri Vincent Tan menerima Hadiah Entrepreneur Tahun.

Kata En Valen Tan: "Kami sangat berbangga dihadiahkan gelaran ini dan akan terus berusaha menjadikan lapangan ini lebih unggul lagi."

Pengurus Besar BHGCC En S A Nathan berkata, "Arkitek golf terkenal Ronald Fream juga memilih lapangan itu sebagai lapangan

tanah tinggi atau highlands course yang terbaik di Asia".

Menurutnya lagi, sempena dengan hadiah-hadiah ini BHGCC akan mengadakan satu acara golf untuk ahli-ahli kelab itu, para penganjur dan pihak media.

"Kami juga akan melancarkan kempen keahlian sedikit masa lagi di mana 100 pemohon pertama akan menerima hadiah pakej khas.

Selain daripada golf BHGCC juga mempunyai pelbagai kemudahan penginapan, kemudahan-kemudahan sukan dan riadah untuk seisi keluarga, kata En Nathan. **gb**

